

**Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2010 Diluluskan
Bernama
22 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2010 yang dihimpit kontroversi sebelum ini akhirnya diluluskan pada persidangan Dewan Negara Khamis.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong ketika menggulung perbahasan rang undang-undang itu berkata tujuan pindaan ke atas Seksyen 21, Akta Polis supaya rujukan kepada perhimpunan diselaraskan dengan rang undang-undang Perhimpunan Aman 2011 yang turut merangkumi perkara mengenai perarakan.

Selain itu, beliau berkata Seksyen 27, Akta Polis dipotong kerana pindaan membangkit kepada kewujudan rang undang-undang Perhimpunan Awam 2011.

"Ini adalah Seksyen 27 (a), (b) dan (c) (Akta Polis) yang telah diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011," katanya

Turut diluluskan hari ini adalah Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011, Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2011, Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011 dan Rang Undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011.

Selain itu, Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011 turut diluluskan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636030>